

# **Amalan Falsafah Pendidikan Bahasa di Sekolah Menengah**

Mohd Rashid Hj. Md Idris & Abu Hassan Abdul

## **Abstrak**

Makalah ini hasil daripada Geran Penyelidikan Universiti (GPU) pada 2010. Kajian ini mengambil masa setahun. Falsafah Pendidikan bahasa yang dibentuk adalah berasaskan kepada gabungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Bahasa. Kerangka teori kajian ini menggunakan Teori Falsafah Bahasa (2007). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek falsafah bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah menengah, aplikasinya dan menyarankan strategi untuk penambahbaikannya. Metodologi kajian melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan (soal selidik, temu bual dan pemerhatian). Tumpuan kawasan kajian hanyalah di seluruh negeri Perak. Kutipan data dibahagikan kepada 10 zon. Dapatan kajian dengan menggunakan kaedah persampelan menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru berkaitan Falsafah Pendidikan Bahasa adalah dalam bilangan yang terhad. Falsafah yang ingin diwujudkan dalam bidang bahasa ini perlu difahami dan dihayati terlebih dahulu untuk mendapatkan manfaat sebenar yang telah digariskan sebagai objektif dalam Falsafah Pendidikan Bahasa dan seterusnya barulah dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci** Falsafah Pendidikan Bahasa, sekolah menengah, persepsi, amalan, guru

## ***Abstract***

*This paper is the result of the University Research Grant (GPU) granted in 2010. The research took one year to complete. The*

*language philosophy was designed based on the combination of the National Education Philosophy and Language Philosophy (2007). The objectives of this research were to identify aspects of the language philosophy in the teaching and learning of language in secondary schools, their applications and recommended strategies for upgrading. The research methodology involved library research as well as survey methods (questionnaire, interviews and observations). The study area was focused only in the state of Perak. Data collection was spread out into ten zones. The research findings using sampling methods found that teachers have very limited knowledge in language philosophy. The research recommends that teachers must fully understand and appreciate the philosophy to reap the real benefits as outlined as objectives in the language philosophy. Only afterwards can the knowledge of the philosophy be applied in the teaching and learning process.*

**Keywords** *Philosophy of Language Education, secondary school, perceptions, practices, teacher*

## **Pengenalan**

Pendidikan bahasa merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia yang dikatakan wujud seusia dengan adanya manusia di muka bumi ini. Sejak turun-temurun, pendidikan bahasa membentuk masyarakat melalui ilmu pengetahuan yang dikuasai. Pendidikan bahasa dapat disampaikan melalui dua cara sama ada formal atau tidak formal. Pendidikan bahasa di sekolah menengah yang dikaji dari sudut falsafah hanyalah di sekitar negeri Perak. Aplikasi falsafah pendidikan bahasa di sekolah menengah dikaji melalui kutipan data di 10 zon, iaitu daerah Kerian, Larut Matang, Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Perak Tengah, Manjong, Hilir Perak dan Batang Padang.

Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul (2010) mengatakan bahawa falsafah pendidikan bahasa yang dibentuk adalah berasaskan kepada gabungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Bahasa. Hal ini adalah kerana Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan asas kepada semua aktiviti pendidikan di Malaysia. Dengan itu, falsafah pendidikan bahasa yang dibentuk mestilah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya untuk melahirkan insan seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek, dan dari segi sumbangan bahasa itu sendiri terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

## **Objektif Kajian**

Dalam konteks pendidikan bahasa di sekolah menengah, aspek pemahaman dan penghayatan terhadap falsafah bahasa yang menjadi akar dalam pendidikan bahasa di sekolah menengah perlu ditinjau. Pada akhir kajian, objektif yang diharapkan adalah:

1. Menyepadukan teori-teori falsafah bahasa, iaitu falsafah Barat dan falsafah Islam dan mengaitkannya dengan realiti pendidikan bahasa masa kini.
2. Meneliti aspek falsafah bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah menengah bagi meningkatkan semangat dan kesungguhan para guru mengajar bahasa.
3. Meninjau sejauh mana pengaplikasian falsafah pendidikan bahasa di sekolah menengah terutamanya dalam kalangan guru bahasa.
4. Menyarankan strategi bagi meningkatkan falsafah pendidikan bahasa dalam konteks reformasi pendidikan negara.

## **Konsep Falsafah Pendidikan Bahasa**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi asas dalam Falsafah Pendidikan Bahasa pada semua peringkat. Oleh itu, semua aktiviti pendidikan di Malaysia mestilah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengutamakan unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) untuk melahirkan insan yang seimbang. Menurut Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul (2010), konsep JERI ini amat penting dalam penyepaduannya dengan prinsip asas Teori Falsafah Bahasa untuk mencapai kesempurnaan berbahasa. Menurut mereka lagi, pembangunan JERI melalui pendidikan bahasa adalah berasaskan kepada tiga kemahiran yang utama, iaitu kemahiran kognitif, afektif, dan psikomotor.

Falsafah Pendidikan Bahasa juga merupakan kesepaduan antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Falsafah Bahasa yang merangkumi intipati konsep JERI dan tiga prinsip asas kesempurnaan berbahasa. Selain itu, ia juga selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Pendidikan bahasa sesungguhnya berhasrat untuk membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat serta sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air.

Menurut Awang Sariyan (1997) pula, Falsafah Pendidikan Bahasa sebagai upaya mengembangkan potensi berbahasa yang dikurniakan Tuhan kepada seluruh anak Adam di alam ruh, sesuai dengan ungkapan *haiwan natiq* yang dikiaskan kepada manusia. Ia juga merupakan suatu cabang pendidikan umum dan juga sebagai sarana pemerolehan dan pengembangan ilmu umum sama ada ilmu naqli mahupun ilmu aqli. Menurutnya lagi, Falsafah Pendidikan Bahasa ialah ‘wasilah’ pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.

## **Metodologi Kajian**

Sesuatu kajian yang baik memerlukan metodologi atau kaedah kajian yang tersusun dan sistematik. Bagi membolehkan kajian yang dilakukan mempunyai unsur kesahan dan kebolehpercayaan serta boleh diterima pakai oleh orang lain, maka metodologi kajian yang digunakan mestilah rapi dan mengikut prosedur. Kajian ini telah menggunakan dua reka bentuk kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan.

### **a. Kaedah Kepustakaan**

Pengkaji telah melaksanakan kajian kepustakaan untuk mencari buku-buku, tesis atau jurnal-jurnal yang berkaitan bagi membuat rujukan semasa menjelaskan perkara penting. Pengkaji telah mencari bahan di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya dan juga di Perpustakaan Negara. Kaedah ini memerlukan pengkaji untuk membaca dan seterusnya membuat analisis terhadap semua dapatan kajian bagi merungkaikan persoalan kajian. Hal ini penting bagi memastikan pengkaji memperoleh maklumat yang benar dan sahih yang berkaitan dengan bidang falsafah pendidikan bahasa. Semua maklumat ini penting untuk dihuraikan bagi menerangkan kewujudan falsafah pendidikan bahasa yang merupakan hasil gabungan falsafah pendidikan bahasa kebangsaan dan falsafah bahasa.

### **b. Kaedah Tinjauan (Survey)**

Menurut Masri Singarimbun (1984), kajian yang berasaskan kaedah tinjauan mengumpulkan maklumat daripada responden dengan

menggunakan borang soal selidik. Pengertian tinjauan pula dibatasi oleh pengertian sampel sebahagian populasi untuk mewakili seluruh populasi. Dengan demikian tinjauan berbeza daripada banci yang mengumpulkan maklumat daripada seluruh populasi.

Daripada segi cakupan pula, tinjauan menurut Maser dalam Awang Sariyan (1997), terdiri daripada empat aspek, iaitu ciri-ciri demografi, lingkungan sosial mereka, aktiviti mereka, pendapat dan sikap mereka. Keempat-empat kandungan tinjauan yang digariskan tersebut akan pengkaji sentuh secara tidak langsung dalam penganalisisan data.

### **c. Tempat Kajian**

Pengkaji telah melaksanakannya di 10 daerah di seluruh negeri Perak, iaitu daerah Kerian, Hulu Perak, Larut Matang, Selama, Kuala Kangsar, Kinta, Perak Tengah, Manjong, Teluk Intan dan Batang Padang. Bagi setiap daerah tersebut telah dipilih pula dua buah sekolah untuk dijadikan responden kajian. 20 buah sekolah yang dipilih terdiri daripada sekolah yang berbeza aliran, iaitu sekolah menengah kebangsaan (SMK), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah menengah teknik (SMT) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Hal ini demikian adalah bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan kepelbagaian dalam bahan maklumat yang diperoleh.

### **d. Sampel Kajian**

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru bahasa di sekolah menengah. Jumlah sampel yang digunakan ialah sebanyak 10 sampel, iaitu 10 orang daripada kalangan guru bagi setiap sekolah. Seramai 10 orang guru yang telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini, iaitu hanya terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek bahasa sahaja seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin. Responden untuk kajian ini terdiri daripada 200 orang guru bahasa sahaja.

### **e. Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan temu bual. Menurut Tuckman dalam Awang Sariyan (1997), penggunaan soal selidik, di samping temu bual dan pemerhatian merupakan pendekatan yang

berkesan untuk memperoleh maklumat daripada responden. Manakala, menurut Seliger dan Shohamy (1989:17), soal selidik digunakan untuk memungut data tentang fenomena yang sukar diperhatikan. Soal selidik mempunyai kelebihan yang tersendiri, iaitu mudah diurus untuk mengumpul subjek yang besar dan tidak memerlukan identiti subjek/ responden. Dengan demikian, data yang diperoleh lebih objektif, lebih seragam dan tepat kerana soal selidik diberi dan dipulangkan kembali pada waktu yang sama. Soal selidik untuk kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu soal selidik untuk guru dan soal selidik untuk pelajar. Setelah itu, data-data tersebut dimasukkan ke dalam program SPSS mengikut setiap bahagian dalam borang soal selidik untuk memudahkan proses penganalisan data.

## **Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian ini dapat dirumuskan bahawa Falsafah Pendidikan Bahasa yang berpandukan falsafah kesepaduan ilmu baru bermula dalam tahun 1980-an, dengan pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan kemudiannya terbentuklah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selain itu, kandungan dalam pendidikan bahasa yang berasaskan sukatan pelajaran menunjukkan adanya unsur-unsur kesepaduan antara sistem bahasa, kemahiran bahasa, dan kandungan bahasa (ilmu, nilai-nilai murni dan kemasyarakatan), selain strategi pengajaran dan pembelajaran yang meliputi strategi 2P, iaitu penggabungan dan penyerapan sebagai upaya dalam usaha melaksanakan pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa.

Secara keseluruhannya empat objektif kajian yang ditetapkan dapat dicapai. Hal ini dapat dibuktikan apabila objektif pertama telah terjawab pada bahagian pertama, iaitu penjelasan terperinci tentang rasional dan kepentingan kajian. Objektif kedua pula, dapat dilihat pada bahagian kedua melalui kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan sekarang dan mengaitkannya dengan realiti pendidikan masa kini. Manakala, objektif ketiga dan keempat pula dapat dilihat dalam bahagian ketiga, iaitu bahagian dapatan kajian yang memperlihatkan sejauhmana aplikasi dan strategi bagi meningkatkan Falsafah Pendidikan Bahasa.

Kajian ini juga sebenarnya boleh memberi sumbangan dan manfaat kepada dunia pendidikan bahasa di Malaysia. Hal ini demikian kerana kajian ini mengetengahkan aspek-aspek berkaitan

pendekatan bersepadu yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Bahasa. Melalui kajian ini, kita dapat lihat sejauhmana pemahaman dan penguasaan ilmu dan pengetahuan para guru tentang pendekatan bersepadu ini. Kajian ini turut bermanfaat untuk pengajaran bahasa dan bertujuan melihat sejauhmana pelaksanaan Falsafah Pendidikan Bahasa di sekolah dan turut mengambil kira persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru. Tambahan pula, ia juga bertujuan melihat sejauhmana program pendidikan bersepadu dalam pendidikan bahasa ini berkesan diaplikasikan dalam pengajaran bahasa di sekolah dan apakah hasil yang diharapkan itu tercapai. Strategi yang dikemukakan dalam kajian ini juga berguna dan boleh digunakan oleh pihak tertentu dalam memperbaiki lagi kelemahan yang timbul terhadap sesetengah pihak.

Berdasarkan sub-sub tajuk yang telah dikemukakan, secara keseluruhannya bahagian pertama membincangkan aspek-aspek penting yang dapat memberikan gambaran secara keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Antara pokok perbincangan tertumpu pada permasalahan kajian, iaitu berhubung dengan Falsafah Pendidikan Bahasa yang boleh dikatakan sebagai bidang yang agak baru diperkenalkan. Selain itu, objektif yang ingin dicapai juga dibahagikan kepada empat pecahan untuk dijadikan garis panduan. Skop analisis kajian pula tertumpu pada aplikasi melaksanakan Falsafah Pendidikan Bahasa di 20 buah sekolah menengah di seluruh negeri Perak.

Manakala, bahagian kedua pula menghuraikan hal tentang kajian lalu yang pernah dijalankan oleh Awang Sariyan berkaitan Falsafah Pendidikan Bahasa dan pelaksanaannya di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Pengkaji-pengkaji lain juga turut terlibat dalam menyelidiki bidang falsafah pendidikan bahasa seperti Hashim Hj. Musa, Asmah Hj. Omar, Mohd Rashid Md Idris, Abu Hassan Abdul dan sebagainya. Kajian tentang pelaksanaan Falsafah Pendidikan Bahasa di sekolah menengah yang dijalankan ini sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Awang Sariyan dalam tesis kedoktorannya pada tahun 1997. Selain itu, pelbagai konsep penting juga dijelaskan secara terperinci terutamanya berkaitan dengan konsep falsafah, falsafah bahasa, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan sebagainya. Sejarah falsafah bahasa juga diperjelas secara ringkas dengan menyorot zaman awal Yunani dan Romawi sehinggalah zaman pertengahan abad ke-20.

Seterusnya bahagian ketiga pula menjelaskan metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan data berkaitan tajuk kajian.

Metodologi kajian merupakan satu sistem yang mengandungi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya. Responden yang terlibat merupakan guru-guru bahasa peringkat sekolah menengah daripada 20 buah sekolah menengah yang terpilih di daerah Kerian, Larut Matang, Selama, Hulu Perak dan Kuala Kangsar yang mewakili daerah Perak Utara, manakala Batang Padang, Hilir Perak, Kinta, Perak Tengah dan Manjong mewakili daerah Perak Selatan. Persepsi guru dipilih sebagai tumpuan kajian kerana pemahaman, penghayatan, perencanaan dan pengajaran guru adalah bergantung kepada persepsi guru itu sendiri.

Dalam bahagian keempat pula, analisis dilakukan terhadap borang soal selidik yang telah dikutip semula daripada responden di sekolah-sekolah yang terlibat. Dalam borang soal selidik guru, aspek yang dikaji terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A melibatkan analisis maklumat latar belakang guru. Manakala, bahagian B terbahagi pula kepada lima aspek yang utama, iaitu berkaitan dengan persepsi guru tentang falsafah pendidikan bahasa, perkaitan teori falsafah bahasa dengan realiti pendidikan masa kini, penghayatan dan pemahaman falsafah bahasa dalam P&P, pengaplikasian falsafah pendidikan bahasa dalam P&P, dan strategi meningkatkan falsafah pendidikan bahasa. Rumusan dapatan kajian yang dibuat hanya pada beberapa aspek yang mempunyai perkaitan rapat dengan bidang bahasa, iaitu seperti pada bahagian yang berikut.

## **Soal Selidik Guru**

### **Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Guru**

- a. Daripada soal selidik yang diedarkan, keseluruhan responden atau guru yang terlibat terdiri daripada mereka yang memiliki ijazah pertama iaitu Ijazah Sarjana Muda. Majoriti daripada mereka berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam pendidikan, iaitu sebanyak 170 orang, manakala sebilangan kecilnya memiliki kelulusan ikhtisas yang lain, iaitu Ijazah Sarjana, Diploma, STPM dan lain-lain. Hal ini menunjukkan sememangnya responden mempunyai latar belakang dalam ilmu pendidikan.
- b. Selain itu, bilangan guru bahasa yang berkelulusan khusus dalam bidang bahasa ialah sebanyak 48 orang responden yang



mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Melayu. Jumlah ini sebenarnya hanya berbeza dua sahaja dengan jumlah responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 50 orang. Seramai 18 orang responden terdiri pula dalam kalangan mereka yang mengambil bidang pengkhususan dalam bahasa Arab. Jumlah responden yang paling tinggi ialah mereka yang mempunyai bidang pengkhususan selain daripada yang dinyatakan, iaitu seramai 75 orang responden yang mengambil bidang seperti bahasa dan linguistik, kajian antarabangsa, pengurusan, syariah Islam, multimedia interaktif dan sebagainya. Selebihnya ialah responden yang tidak memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda, iaitu seramai sembilan orang responden. Mereka ini dalam kalangan responden yang berkelulusan akademik STPM dan Diploma yang ditugaskan atau diarahkan oleh pihak-pihak tertentu akibat masalah kekurangan guru.

- c. Manakala dari segi pengkhususan kaedah pengajaran, iaitu major dan minor dalam kaedah pengajaran bahasa menunjukkan sebilangan besar daripada jumlah keseluruhan responden adalah major dalam kaedah bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Selebihnya pula ialah mereka yang major dalam kaedah lain seperti kaedah Geografi, Sejarah, Pengajian Islam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka yang major dalam kaedah tersebut ada juga yang mengambil minor dalam kaedah bahasa. Hal ini sebenarnya menunjukkan satu perkembangan yang baik kerana walaupun mereka hanya minor dalam kaedah bahasa, namun mereka tetap terlatih dalam kaedah bahasa berbanding dengan guru lain yang terlatih dalam kaedah lain selain kaedah bahasa tetapi ditugaskan untuk mengajar subjek bahasa.

## **Bahagian B: Soal Selidik Tentang Falsafah Pendidikan Bahasa**

1. Persepsi guru tentang kepentingan Falsafah Pendidikan Bahasa

Secara keseluruhannya, lebih daripada 90% responden yang bersetuju dengan pernyataan dalam bahagian ini, iaitu sebanyak tujuh aspek yang terkandung dalam bahagian kepentingan Falsafah Pendidikan Bahasa seperti tujuan, kepentingan, aspek dalam Falsafah Pendidikan Bahasa dan sebagainya. Respon

yang diperoleh juga menunjukkan tidak semua responden yang bersetuju terhadap pernyataan ini kerana ada juga yang memilih jawapan tiada komen dan tidak setuju. Dalam bahagian ini, sebanyak dua pernyataan yang jumlah responden yang bersetuju adalah paling banyak, iaitu sebanyak 91% bagi setiap pernyataan berdasarkan kepada respon daripada 100 orang responden, iaitu pada pernyataan kelima dan keenam (rujuk lampiran). Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan guru-guru/responden berasa sememangnya penting diwujudkan satu falsafah dalam bidang bahasa sahaja seperti Falsafah Pendidikan Bahasa.

## 2. Perkaitan teori falsafah bahasa dengan realiti pendidikan bahasa

Pada bahagian ini, secara keseluruhannya sebanyak 83% yang bersetuju dengan pernyataan yang terdapat dalam bahagian ini dan hanya sedikit sahaja jumlah responden yang tidak bersetuju terutamanya pada pernyataan yang ketujuh, iaitu sebanyak 72% responden yang bersetuju, 24% tiada komen, dan 4% kurang setuju terhadap pernyataan ini. Responden yang tidak bersetuju pada pernyataan ini adalah paling banyak berbanding dengan pernyataan-pernyataan yang lain, iaitu persoalan berkaitan dengan “penyepaduan ilmu dan nilai yang berlaku dalam proses P&P menunjukkan guru menerapkan bidang falsafah bahasa dalam pendidikan”. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan masih ramai guru-guru yang tidak memahami konsep kesepaduan ilmu dan nilai yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Bahasa.

## 3. Penghayatan dan pemahaman Falsafah Bahasa dalam P&P

Secara keseluruhannya, dapatan kajian dalam aspek ini menunjukkan hampir 80% responden bersetuju dengan ketujuh-tujuh pernyataan yang dikemukakan. Namun, didapati bahawa pada pernyataan yang ketiga dan yang terakhir jumlah responden yang bersetuju adalah paling sedikit, iaitu berkaitan persoalan sama ada “terdapat perbezaan antara falsafah bahasa dengan falsafah kebahasaan” dan persoalan “penyepaduan ilmu dan nilai yang berlaku dalam proses P&P menunjukkan guru menerapkan bidang falsafah bahasa dalam pendidikan”. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan yang menunjukkan bahawa sebanyak 64% responden yang bersetuju dengan pernyataan ini, 30% tiada komen, 4% kurang setuju dan hanya 2% yang kurang setuju terhadap pernyataan ketiga manakala sebanyak 64% bersetuju, 16% tiada komen, 13%

kurang setuju dan 7% yang sangat tidak setuju terhadap pernyataan yang terakhir ini. Jadi, hampir 35% responden yang tidak memberi jawapan bersetuju terhadap pernyataan ini membuktikan bahawa masih ramai guru yang keliru dan tidak faham dengan konsep falsafah bahasa dan falsafah kebahasaan. Malah, mungkin ada yang menganggap tiada perbezaan yang wujud antara kedua-dua bidang ini. Hal ini terjadi disebabkan oleh pengetahuan guru-guru berkaitan bidang Falsafah Pendidikan Bahasa adalah pada tahap yang sederhana. Oleh sebab itulah masih ramai lagi guru yang tidak menerapkan atau merujuk bidang ini bermula daripada peringkat merancang hingga ke peringkat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

#### 4. Pengaplikasian Falsafah Pendidikan Bahasa dalam P&P

Pada bahagian ini, sebanyak 85% responden yang bersetuju dengan semua pernyataan yang terkandung dalam bahagian ini menunjukkan dapatan yang positif. Meskipun dapatan ini menunjukkan peratus responden yang bersetuju adalah ramai, namun terdapat sebilangan pernyataan yang menunjukkan pernyataan yang berunsur negatif, iaitu pada pernyataan yang kedua, iaitu berkaitan dengan persoalan “saya menghadapi masalah untuk menggabungkan fungsi dan sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan menggabungkan satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain dalam satu pelajaran”. Secara keseluruhannya hanya 65% responden yang menjawab bersetuju, sebanyak 17% yang memberi jawapan tiada komen, 15% kurang setuju dan 3% sangat tidak setuju terhadap pernyataan ini. Secara keseluruhannya, hanya lima orang guru sahaja yang benar-benar kurang setuju terhadap pernyataan ini, sekali gus membuktikan tingginya keyakinan guru tersebut dalam bidang yang diceburinya. Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa guru-guru yang selebihnya kurang mempunyai keyakinan terhadap keupayaan dan kebolehan diri yang dimiliki mereka dalam merancang pengajaran yang berkesan. Malah, mereka sendiri tidak jelas dan tidak pasti sama ada mereka menghadapi masalah atau tidak dalam merancang pengajaran mereka.

#### 5. Strategi Meningkatkan Falsafah Pendidikan Bahasa

Secara keseluruhannya, dapatan kajian pada bahagian terakhir ini menunjukkan respons yang positif, iaitu hampir 94% responden yang bersetuju dengan ketujuh-tujuh pernyataan yang dikemukakan

dalam bahagian ini. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah responden yang paling banyak yang bersetuju dengan pernyataan dalam bahagian ini pada pernyataan kedua, ketiga dan keenam, iaitu “guru perlu mengamalkan penggunaan berbahasa secara sempurna (komprehensif) bukan sahaja dari segi nahunya, namun kesempurnaan juga perlu meliputi aspek makna dan tujuannya”, menunjukkan sebanyak 96% bersetuju, 3% tiada komen dan hanya 0.5% yang memilih kurang setuju dan sangat tidak setuju. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru sememangnya mengamalkan penggunaan berbahasa secara sempurna (komprehensif) bukan sahaja dari segi nahunya, namun kesempurnaan juga perlu meliputi aspek makna dan tujuannya. Bagi pernyataan ketiga pula, iaitu “guru perlu memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan keadaan pelajar saling menghantar maklumat dan maklum balas supaya kegiatan berbahasa itu aktif dan memenuhi keperluan bersama”, menunjukkan sebanyak 96% bersetuju, 2.5% tiada komen, 1% kurang setuju dan sebanyak 0.5% memilih sangat tidak bersetuju. Dapatan ini juga jelas menunjukkan guru sentiasa memastikan proses pembelajaran yang berlaku adalah bersifat dua hala melalui kepelbagaian dalam sesuatu aktiviti agar menjadi lebih menarik. Pernyataan keenam pula melibatkan persoalan yang berkaitan dengan guru perlu membina rasa bangga pelajar terhadap bahasa melalui sikap guru dalam mementingkan penggunaan bahasa yang betul”, menunjukkan 96% guru bersetuju, 3% tiada komen dan hanya 1% yang kurang setuju terhadap pernyataan ini. Dapatan pada pernyataan ini membuktikan guru mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu baku dan tidak mengajar dengan menggunakan dialek setempat mahupun dialek negeri masing-masing. Apabila hal ini berlaku, maka guru akan menjadi ‘role model’ kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan seterusnya menanamkan sifat cintakan bahasa Melayu melebihi bahasa-bahasa utama yang lain.

## **Masalah dan Strategi Penyelesaian**

Antara masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa berdasarkan analisis yang dibuat pada bahagian keempat kajian ini ialah:

1. Kebanyakan guru yang terlibat dalam kajian ini terutamanya guru-guru yang mengajar 10 tahun dan ke bawah mempunyai kurang keyakinan diri kerana banyak menjawab atau memberi respons 'setuju' dan 'tiada komen' pada kebanyakan pernyataan yang melibatkan kebolehan atau keupayaan diri sendiri. Sebagai contoh, pada pernyataan kedua dalam bahagian yang keempat, iaitu tentang persoalan "saya menghadapi masalah untuk menggabungkan fungsi dan sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan menggabungkan satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain dalam satu pelajaran". Secara keseluruhannya hanya 65% responden yang menjawab bersetuju dan sebanyak 17% yang memberi jawapan tiada komen terhadap pernyataan ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru tersebut mempunyai keyakinan diri yang kurang terhadap keupayaan dan kebolehan diri yang dimiliki mereka dalam merancang pengajaran yang berkesan. Mereka sendiri tidak jelas dan tidak pasti sama ada mereka menghadapi masalah atau tidak dalam merancang pengajaran mereka.
2. Seterusnya, masalah lain yang wujud di sini ialah terdapat sebilangan guru yang bukan terlatih dalam pengajaran bahasa ditugaskan mengajar subjek bahasa. Hal ini sedikit sebanyak sebenarnya mempengaruhi cara penyampaian, kaedah pengajaran dan unsur dalam pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa itu sendiri. Memang tidak dinafikan bahawa dalam kajian yang dilakukan melibatkan jumlah responden yang kecil yang tidak memperlihatkan perbezaan yang jelas antara guru yang terlatih dalam pengajaran atau kaedah bahasa dengan guru kaedah lain terhadap beberapa pemboleh ubah tak bersandar yang telah dipilih. Namun, jika satu kajian khusus berkaitan masalah ini dilakukan terhadap guru-guru yang terlatih dalam kaedah bahasa dengan kaedah lain di Malaysia ini dengan melibatkan jumlah responden yang besar, mungkin hasilnya lebih nyata. Hal ini demikian kerana kebanyakan guru-guru yang tidak terlatih dalam pengajaran atau kaedah bahasa tidak mengikuti kursus-kursus KBSM atau kursus-kursus lain yang berkaitan dengan bidang bahasa seperti guru-guru terlatih itu sendiri. Oleh itu, mungkin cara penyampaian ilmu atau kaedah-kaedah baru serta informasi terkini tentang bidang pendidikan bahasa itu sendiri tidak sampai kepada guru yang tidak terlatih dalam subjek bahasa tetapi masih ditugaskan mengajarkan subjek tersebut.

3. Selain itu, antara masalah lain yang dapat dikesan ialah tidak semua guru yang mengajar subjek bahasa, pernah mengikuti kursus-kursus berkaitan KBSM atau berkaitan pendekatan bersepadu dalam subjek bahasa. Hanya segelintir daripada mereka yang pernah mengikuti kursus yang berkaitan. Berdasarkan analisis terhadap soal selidik yang telah diikuti semula itu juga, didapati bahawa guru-guru yang sama yang banyak mengikuti kursus KBSM tersebut. Kadang-kala seorang guru yang sama pernah mengikuti sehingga empat atau lima kursus seperti yang telah disenaraikan. Manakala, guru-guru lain ada juga yang langsung tidak pernah mengikuti mana-mana kursus berkaitan KBSM walaupun mereka terlatih dalam pengajaran subjek bahasa di institusi pengajian tinggi.

Strategi penyelesaian adalah seperti yang berikut:

1. Berhubung dengan masalah pertama yang dinyatakan, iaitu berkaitan kurangnya keyakinan dalam diri segelintir guru, terutamanya guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang kurang dari 10 tahun, guru-guru tersebut haruslah dipantau oleh pihak-pihak tertentu seperti pengetua sekolah atau guru yang lebih senior dan berpengalaman. Selain itu, dalam masa yang sama guru-guru tersebut haruslah dihantar untuk mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian terutamanya yang berkaitan pemantapan sahsiah diri atau yang berkaitan strategi pengajaran berkesan untuk meningkatkan keyakinan diri sekali gus mempelajari kaedah pengajaran yang lebih berkesan. Pada masa yang sama juga, guru itu sendiri perlu memainkan peranan yang penting dengan cuba untuk memahami diri dan pengajaran yang dilakukan. Hal ini demikian kerana sebarang tindakan atau keputusan yang bakal kita lakukan dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam merancang atau melaksanakan pengajaran bergantung kepada diri sendiri atau dalaman guru itu sendiri. Sebagai seorang guru juga, mereka haruslah peka dengan masalah yang timbul dan cuba untuk mengatasinya dengan penuh hikmah dan bijaksana di samping sering mempertingkatkan keupayaan dan keyakinan diri untuk menghadapi dunia pendidikan yang kini semakin mencabar.
2. Bagi penyelesaian masalah kedua pula, iaitu berkaitan dengan terdapatnya sebilangan guru yang bukan terlatih dalam pengajaran

bahasa yang ditugaskan mengajar subjek bahasa ialah dengan cara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melatih dan melahirkan guru yang berpengetahuan dan terlatih dalam bidang bahasa dengan jumlah yang mencukupi dan mengikut keperluan semasa. Selain itu, usaha melatih guru bahasa yang cekap dan berwibawa juga perlulah sentiasa dipertingkatkan dan dipantau oleh pihak yang berkepentingan terutamanya KPM dan institusi pengajian tinggi itu sendiri agar guru yang ditugaskan untuk mengajarkan subjek bahasa tersebut adalah benar-benar daripada jurusan ilmu yang berkaitan dan terlatih secara ikhtisas dalam opsyen atau kaedah pengajaran bahasa dengan bilangan yang mencukupi.

3. Seterusnya bagi masalah yang ketiga pula, langkah yang sesuai yang perlu diambil adalah dengan memperbanyakkan kursus-kursus berkaitan KBSM dan kursus-kursus lain yang berkaitan dalam pendidikan bahasa, sekali gus menggalakkan dan mewajibkan para guru yang mengajar subjek bahasa untuk menyertai kursus tersebut. Sekurang-kurangnya bagi setiap guru bahasa wajib mengikuti satu atau dua kursus dalam setahun. Selain itu, usaha lain yang boleh dilakukan adalah dengan meninjau semula dan merencanakan dengan lebih teratur dan kemas program latihan dalam perkhidmatan yang ada supaya program tersebut menjadi lebih efektif dan mapan sekali gus memastikan para guru mudah untuk memperoleh maklumat terkini berkaitan dengan bidang bahasa secara menyeluruh dan berterusan. Selain itu, perlu juga diwujudkan dan diselaraskan hubungan antara prinsip-prinsip dasar pendidikan bahasa yang dirumuskan oleh KPM dengan yang diamalkan oleh para pendidik di sekolah-sekolah.

## **Implikasi**

Berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji, sedikit sebanyak telah memberikan banyak implikasi yang positif kepada diri pengkaji sendiri dan juga pihak-pihak yang lain. Sebagai pendidik di IPTA, pengkaji dapat memahami dengan lebih luas berkaitan dengan tahap pemahaman para guru dan aplikasi aspek Falsafah Pendidikan Bahasa di sekolah menengah. Tambahan pula, tiada subjek yang khusus tentang Falsafah Pendidikan Bahasa di UPSI sendiri menyebabkan semua pelajar khususnya pelajar jurusan bahasa menganggap gagasan ini sebagai suatu yang tidak penting. Melalui kajian yang dilakukan,

ia dapat membuka mata pengkaji tentang per pentinganya bakal guru dan para guru memahami dan juga mendalami Falsafah Pendidikan Bahasa untuk diaplikasikan dalam P&P di sekolah.

Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji sendiri dan rakan-rakan seperjuangan serta kepada pengkaji-pengkaji bahasa. Hal ini kerana kajian ini juga telah memuatkan maklumat berkaitan dengan sejauhmana aplikasi Falsafah Pendidikan Bahasa di peringkat sekolah menengah berdasarkan persepsi guru-guru bahasa. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh pengkaji-pengkaji bahasa dapat menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan lagi pelaksanaan falsafah bahasa di peringkat sekolah menengah dan rendah.

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Setelah meneliti hasil analisis dalam bahagian dapatan kajian dan kesimpulan, pengkaji berpendapat bahawa amat perlu untuk memberikan beberapa cadangan kajian lanjutan untuk menggalakkan para pengkaji lain meneruskan penyelidikan lanjut berhubung bidang ini. Seharusnya banyak lagi kajian lain yang perlu dijalankan untuk meninjau pelaksanaan dan keberkesanan program pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa terutamanya di peringkat sekolah menengah. Antara kajian yang dirasakan perlu dilaksana, dipertingkat dan diperbanyak ialah:

1. Kajian tentang buku teks subjek-subjek bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan bahasa Tamil (KBSM) yang meliputi analisis terhadap kandungan buku teks termasuk menganalisis kandungan yang berkaitan penyerapan terhadap nilai, penggabungjalinan dan juga kemahiran berfikir seperti dalam pernyataan yang terkandung di dalam borang soal selidik yang dikemukakan.
2. Seterusnya ialah kajian juga boleh dilakukan kepada pensyarah dan pelajar dari institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya kepada mereka yang mengambil opsyen dalam bidang bahasa untuk melihat sejauh mana mereka memahami dan mengetahui hal tentang Falsafah Pendidikan Bahasa dan seterusnya dapat menyedarkan mereka untuk memperlengkapkan pengetahuan mereka dengan ilmu tersebut sebelum masuk ke alam sekolah.



3. Selain itu, kajian ini juga boleh dilanjutkan dan diperluas kepada guru di peringkat sekolah rendah bagi memantapkan lagi dan mendedahkan kepada guru tentang kepentingan Falsafah Pendidikan Bahasa sebagai pendekatan bersepadu dalam subjek-subjek bahasa.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Bahasa merupakan satu bidang yang amat menarik untuk diterokai. Namun begitu, tidak ramai ahli bahasa yang ingin berkecimpung dalam bidang ini kerana dianggap rumit. Pada pendapat pengkaji, bidang ini sangat penting untuk dipraktikkan dalam sistem pendidikan di sekolah dan di institut pengajian tinggi (IPTA, IPTS, IPGM, dll). Dengan itu, segala usaha yang berkaitan untuk memantapkan lagi Falsafah Pendidikan Bahasa adalah sangat penting supaya boleh dijadikan panduan oleh semua guru, khususnya guru yang mengajarkan subjek-subjek bahasa sesuai dengan reformasi pendidikan kebangsaan.

## Rujukan

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2006. *Kemahiran interpersonal untuk guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Abdullah Sani Yahya, 2003. *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Asep Ahmad Hidayat, 2006. *Filsafat bahasa: Mengungkap hakikat bahasa, makna dan tanda*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Asmah Hj. Omar, 1988. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 1997. Falsafah bahasa dan pendidikan bahasa: Kajian konsep dan pelaksanaannya dalam pendidikan bahasa Melayu di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: Universiti Malaya.
- Awang Sariyan, 2007. *Perkembangan falsafah bahasa dan pemikiran dalam linguistik*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan, 2010. *Asas falsafah dan pemikiran Melayu berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Ilham Baru.
- Choong Lean Keow, 2008. *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Hashim Hj. Musa, 1994. *Falsafah bahasa Melayu beberapa aspek kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Hj. Musa, 1996. *Pengantar falsafah bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa, 2001. *Falsafah, logik, teori, nilai dan etika: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Hj. Musa, 2006. *Pengantar falsafah bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husna Faredza, 2005. "Upaya bahasa dan berbahasa dalam mengajarkan ilmu bahasa, budaya dan alam pemikiran Melayu". Dalam *Pendeta Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 91-99.
- Kaelan M.S, 1998. *Falsafah bahasa, masalah dan perkembangannya*. Yogyakarta: Paradigma.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. *Aspek bahasa dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana Enterprise.
- Mohd Rashid Md Idris, 2004. *Monograf bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Mohd Rashid Md Idris, 2009. "Kajian bahasa dari perspektif falsafah". Dalam *Sumbangan tizkari buat Masuri S.N*, 363- 377
- Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul, 2010. *Falsafah pendidikan bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris, 2012. *Teori falsafah bahasa (Teori Rashid)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yusuf Ahmad, 2004. *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Hassan Basri Nik Abd Kadir, 2000. *Teori bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sayyid Muhammad Syeed, 1989. "Islamization of linguistics". Dalam *Toward Islamization of diciplines*. U.S.A: International Institut of Islamic Thought (IIIT).
- Soemarsono, 2004. *Buku ajar falsafah bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Widiasarana.